

SUDUT PERBEZAAN MATA PELAJARAN AL-BALAGHAH PERINGKAT SPM DAN STPM MEMPENGARUHI PERKAEDAHAAN DAN TEKNIK PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Azhar Muhammad
Ahmad Kilani Mohamed
Kamarul Azmi Jasmi

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia

Suggested Citation:

Muhammad, A., Mohamed, A. K., & Jasmi, K. A. (2004). Sudut perbezaan Mata Pelajaran al-Balaghah Peringkat SPM dan STPM Mempengaruhi Perkaedahan dan Teknik Pengajaran dan Pembelajaran in *acana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan [Siri Ketiga]* at Hotel Alison Klana, Seremban on 16 October 2003, ISBN 983-29-750-50.

Abstrak

Mata pelajaran al-Balaghah sebenarnya telah diperkenalkan di sekolah-sekolah menengah agama/Arab di Malaysia sama ada yang ditadbirkan oleh rakyat, j a bat an agama, negeri atau Kementerian Pendidikan Malaysia di peringkat menengah tinggi. Kertas kerja ini akan menyingkap perbezaan antara mata pelajaran al-Balaghah dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Perbezaan akan dilihat dalam pelbagai sudut seperti pengajaran, pembelajaran, sukanan dan buku teks yang digunakan. Kepelbagaiannya sudut perbezaan ini akan menimbulkan kekeliruan kepada pelajar dan akan mempengaruhi perkaedahan pengajaran dan pembelajaran dalam kelas bergantung kepada kemahiran yang dilaksanakan oleh guru. Ketidaksamaan ini memperlihatkan pengajaran dan pembelajaran al-Balaghah dalam sistem pendidikan bahasa Arab di Malaysia tidak ada kesmambungan antara satu tahap pengajian dengan tahap berikutnya menyebabkan timbul salah faham di kalangan pelajar. Beberapa cadangan dikemukakan bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran al-Balaghah dilaksanakan dalam usaha menarik minat pelajar terhadap mata pelajaran ini.

SUDUT PERBEZAAN MATA PELAJARAN AL-BALAGHAH PERINGKAT SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) DAN SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA (STAM) MEMPENGARUHI PERKAEDAHAAN DAN TEKNIK PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Azhar Muhammad
Ahmad Kilani Mohamed
Kamarul Azmi Jasmi

Abstrak

Mata pelajaran al-Balaghah sebenarnya telah diperkenalkan di sekolah-sekolah menengah agama/Arab di Malaysia sama ada yang ditadbirkan oleh rakyat, ja bat an agama, negeri atau Kementerian Pendidikan Malaysia di peringkat menengah tinggi. Kertas kerja ini akan menyingskap perbezaan antara mata pelajaran al-Balaghah dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Perbezaan akan dilihat dalam pelbagai sudut seperti pengajaran, pembelajaran, sukanan dan buku teks yang digunakan. Kepelbagaiannya sudut perbezaan ini akan menimbulkan kekeliruan kepada pelajar dan akan mempengaruhi perkaedahan pengajaran dan pembelajaran dalam kelas bergantung kepada kemahiran yang dilaksanakan oleh guru. Ketidaksamaan ini memperlihatkan pengajaran dan pembelajaran al-Balaghah dalam sistem pendidikan bahasa Arab di Malaysia tidak ada kesmambungan antara satu tahap pengajian dengan tahap berikutnya menyebabkan timbul salah faham di kalangan pelajar. Beberapa cadangan dikemukakan bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran al-Balaghah dilaksanakan dalam usaha menarik minat pelajar terhadap mata pelajaran ini.

PENDAHULUAN

Asas pengajaran dan pembelajaran retorik Arab atau lebih dikenali dengan Balaghah adalah salah satu elemen yang didedahkan kepada pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah agama. Pembelajaran ilmu Balaghah ini amat penting dalam bahasa Arab bagi memudahkan pemahaman terhadap sesuatu teks Arab kerana bahasa Arab adalah bahasa yang unik dan penuh dengan gaya bahasa retorik. Kefahaman dalam retorik Arab akan memudahkan seseorang memahami maksud sesuatu struktur ayat dan gaya bahasa yang digunakan dalam ayat tersebut terutama dalam memahami al-Quran dan hadis.

Pelajar-pelajar mula didedahkan dengan ilmu Balaghah ini semasa mereka berada di tingkatan empat hingga ke peringkat tingkatan enam. Semasa berada di peringkat peperiksaan Sijil Persekolahan Malaysia (SPM), pencapaian pelajar dalam ilmu al-Balaghah akan dinilai melalui kertas Bahasa Arab Tinggi. Sementara di peringkat Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) pula, pelajar akan dinilai dalam kertas al-Balaghah.

AL-BALAGHAH PERINGKAT SPM

Semasa di peringkat SPM, pelajar-pelajar akan didedahkan kepada asas-asas ilmu Balaghah yang merangkumi tiga unsur utama iaitu ilmu *al-Ma'ani*, ilmu *al-Bayan* dan ilmu *al-Badi'*.

Kurikulum al-Balaghah peringkat ini lebih kepada memperkenalkan ilmu al-Balaghah pada peringkat pengenalan kepada tajuk-tajuk yang diajar. Kurikulumnya berasaskan kepada sukanan seperti yang digariskan dalam buku Bahasa Arab Tinggi (BAT) untuk tingkatan empat dan tingkatan lima yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Buku ini ditulis oleh panel penulis KPM.

Sukanan bagi tingkatan empat meliputi tajuk-tajuk yang berkaitan dengan *al-Fasaha*, *al-Balaghah*, *al-Uslub*, *al-Khabari* dan *al-Insya'ie*. Tajuk-tajuk bagi tingkatan lima pula menyentuh

tentang *al-Tasybih*, *aqsam al-Tasybih*, *al-Haqiqah wa al-Majaz*, *al-Isti'arah al-Tasrihiyyah wa al-Makniyyah*, *al-Majaz al-Mursal*, *al-Kinayah*, *al-Saj'*, *al-Jinas*, *al-lqtibas*, *al-Tibaq* dan *al-Muqabalah* (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1995). Kesemua tajuk-tajuk ini adalah sukatan kepada kertas Bahasa Arab Tinggi dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Objektif pengajaran *al-Balaghah* peringkat menengah ini dinyatakan dengan jelas oleh pihak KPM iaitu:

- (1) Memupuk kemahiran pelajar menghayati keindahan gaya bahasa Arab dan kesusasteraan.
- (2) Mengasah bakat pelajar membuat penilaian terhadap gaya bahasa Arab.
- (3) Memperlihatkan rahsia kemukjizatan Al-Quran melalui gaya bahasa yang menarik.
- (4) Membolehkan pelajar meniru gaya bahasa Arab yang menarik dan mengaplikasikannya di dalam penulisan dan percakapan mereka.

AL-BALAGHAH PERINGKAT STAM

Salah satu pembelajaran rasmi peringkat kebangsaan yang mengandungi al-Balaghah dalam persijilannya ialah Sijil Tinggi Agama Malaysia atau dikenali dengan STAM. Kurikulumnya yang berdasarkan kepada kurikulum *Maahad al-Bu'uth al-Islamiyyah*, *Al-Azhar* telah diterimakan keseluruhannya oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai asas kepada persijilan agama peringkat tertinggi di Malaysia yang diiktirafkan oleh pihak luar dan universiti-universiti Timur Tengah terutama *Al-Azhar*, Mesir.

Bagi mata pelajaran al-Balaghah, buku teks yang digunakan diambil secara langsung daripada buku teks "*Asrar al-Bayan*" yang ditulis oleh Dr. Ah" Muhammad Hasan. Buku teks ini dicetak oleh pihak *al-Azhar aJ-Syarif*. Kaherah mengikut sukatan rasmi peringkat menengah sekolah-sekolah *Al-Azhar* (*Syahadah al-Thanawiyyah al-Azhariyyah*) sama ada kelas pengajian sastera atau sains. Kementerian Pendidikan Malaysia telah bersetuju untuk menerima buku ini sebagai panduan kepada pembelajaran dan penilaian al-Balaghah dalam persijilan STAM.

Kandungan sukatan al-Balaghah STAM hanya menjurus kepada *ilmu al-Bayan* sahaja yang dibincang secara menyeluruh dengan meninggalkan *al-Ma'ani* dan *al-BadV*. Tajuk-tajuknya meliputi pengenalan kepada *ilmu al-Bayan*, *al-Tasybih*, *al-Haqiqah wa al-Majaz* dan *al-Kinayah* dengan sub-sub topiknya masing-masing.

¹ Objektif utama pengajarannya ialah agar pelajar dapat merasai dan menghayati gaya bahasa *ilmu al-Bayan* dan mengetahui rahsia-rahsia keindahan dan keunikannya (AH Muhammad Hasan: 1994). Sukatan balaghah dalam buku *Asrar al-Bayan* telah menggunakan metod tradisi yang banyak mengemukakan contoh-contoh dan penggunaan *syawahid* masyhur dalam pengajaran balaghah seperti ayat-ayat Al-Quran, Hadis, sajak, prosa dan kata-kata hikmat. Hanya peratusan yang amat kecil sahaja kata-kata percakapan biasa atau harian digunakan sebagai contoh perbahasan.

PENDEKATAN PENGAJARAN AL-BALAGHAH

Untuk mengajar mata pelajaran bahasa yang berteraskan kepada kaedah seperti al-Balaghah, guru-guru memerlukan usaha yang lebih gigih bagi menjamin keberkesanan yang lebih baik. Ini disebabkan oleh kepelbagaiannya tajuk yang diajar dengan tahap kefahaman yang tinggi terhadap kaedah yang dipelajari dibanding dengan kemampuan, keupayaan dan kedudukan pelajar-pelajar. Oleh itu, kaedah pengajaran yang terkini yang lebih menyeronokkan dan menarik perlu dijalankan semasa melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Antara pendekatan dan kaedah yang boleh digunakan seperti yang disebut-sebut oleh pakar-pakar pendidikan bahasa ialah:

Kaedah Induktif (*Al-Tariqat al-Istiqrainyyah/ al-Istibatiyyah*)

Kaedah ini merupakan kaedah yang sesuai untuk dijalankan dalam pengajaran mata pelajaran yang mempunyai kepelbagaiannya tajuk. Kaedah ini lebih menumpukan kepada memanfaatkan maklumat-maklumat lepas untuk digabungkan dengan maklumat-maklumat baru agar menjadi bahan ilmiah yang dapat disepadukan. Kaedah ini merupakan kaedah terkini yang popular digunakan dalam pengajaran mata pelajaran bahasa yang berteraskan kepada kaedah. Secara umumnya, pengajaran kaedah ini dimulakan dengan *contoh-contoh*, menghuraikannya dan mengeluarkan kaedah (Husin Sulaiman Qurrah: t.t).

Kaedah ini dapat dilangsungkan melalui lima langkah utama dalam pengajaran dan pembelajaran (Nik Mohd Rahimi e.t: 1999):

- (1) Pendahuluan (*al-Tamhid*) - memfokuskan objektif khusus kepada tajuk pelajaran dengan mengambil kira tahap persediaan pelajar terhadap tajuk yang akan diajar. Proses ini akan menganalisis pemikiran pelajar mengenai maklumat-maklumat yang ada pada mereka dan mengaitkannya dengan tajuk pengajaran baru. Tujuannya ialah untuk merangsang pelajar dengan tajuk pelajaran baru agar mereka dapat bersedia untuk menerimanya. Guru tidak digalakkkan memanjangkan masa semasa menjalankan proses ini, hanya mengemukakan persoalan-persoalan atau aktiviti-aktiviti yang menarik, ringkas dalam usaha mengemukakan tajuk yang akan diajar nanti.

Membentangkan pengajaran ('ardh al-Maudu'). Satu proses mengumpulkan maklumat-maklumat pelajar dalam kepelbagaiannya bentuk yang menarik perhatian dalam usaha mengemukakan kaedah. Proses ini perlu jelas, tidak sukar, jauh daripada kekusutan ungkapan dan mudah diterima oleh pelajar . Semua ini penting dalam usaha guru mengeluarkan sesuatu kaedah bahasa dengan cara yang lebih mudah serta menarik. Guru perlu mengemukakan seberapa banyak contoh yang akan memberikan kefahaman kepada pelajar sebelum daripada pernyataan rumusan pengajaran.

- (2) Hubungkait dan perbandingan (*al-ribt wa al-muwazanah*). Guru memerlukan penglibatan pelajar dalam perkaitan dan perbandingan melalui contoh-contoh yang dibincangkan untuk memudahkan mereka menerima rumusan yang akan dibuat nanti. Proses ini memerlukan kepada pembuktian yang rasional, pemikiran yang tajam dan tidak gopoh dalam mengeluarkan sesuatu hukum atau kaedah baru yang diajar. Proses ini mempunyai perkaitan yang rapat dengan proses yang kedua tadi.
- (3) Rumusan (*al-Ta 'mini wa istiqra' al-Qaedah*) terhadap hukum/kaedah bahasa yang dipelajari sejurus perbincangan. Ini adalah satu proses dalam bentuk pendefinisan atau mengeluarkan sesuatu hukum bahasa. Peranan guru amat besar dalam mengarahkan pelajar ke arah rumusan tersebut melalui lisan dan dirakamkan dalam bentuk penulisan di papan hitam.
- (4) Implementasi (*al-Tatbiq*). Ini adalah proses terakhir untuk menilai tahap kefahaman pelajar tentang tajuk yang diajar dengan mengesahkan lagi rumusan yang dibuat melalui perlaksanaan terhadap ayat-ayat lain atau menaplifikasikannya melalui pelajaran lain.
- (5) Kerja Rumah (*al-Wqjib al-Manzili*). Guru memberikan latihan dan tugas sebagai kerja rumah.

Kaedah Deduktif (*Al-Tariqat al-Qiasiyyah*)

Kaedah ini disempurnakan dengan perpindahan daripada hukum umum (*kulli*) kepada hukum yang lebih khusus (*juz 'i*). Pengajaran dimulakan dengan menyebut/mengingati kaedah atau hukum secara am dan mengukurnya dengan cara mengemukakan contoh-contoh bagi menyabitkan hukum tersebut (Husin Sulaiman Qurrah: t.t). Kaedah ini juga dapat dijalankan melalui lima langkah utama:

- (1) Pendahuluan - Bertujuan untuk mempersiapkan pelajar dengan tajuk pelajaran baru yang akan diajar dan menentukan skop perbincangannya.
- (2) Membentangkan pengajaran. Guru akan terus mengemukakan hukum atau kaedah yang ingin dipelajari kepada pelajar dengan menulisnya di papan hitam atau dengan cara lain yang difikirkan patut. Guru akan membaca dan membuat huraian lanjut berkenaan kaedah dipelajari tersebut satu persatu.
- (3) Rumusan terhadap hukum/kaedah bahasa yang dipelajari di mana guru akan membuat contoh-contoh yang mendasari kaedah yang telah disampaikan. Guru akan meminta pelajar mengemukakan contoh-contoh baru yang mempunyai kaitan dengan kaedah bagi menampakkan kesahan kaedah tersebut dalam bentuk penggunaan ayat.
- (4) Penilaian. Ini adalah proses terakhir untuk menilai tahap kefahaman pelajar tentang tajuk yang diajar di mana guru akan memberikan contoh-contoh baru hingga pelajar betul-betul faham tentang penggunaan kaedah yang dipelajari sebagai persiapan untuk menghadapi pelajaran akan datang.
- (5) Kerja Rumah. Guru memberikan beberapa latihan dan tugas sebagai kerja rumah.

Perlu diingatkan bahawa peringkat implimentasi (*tagbiq*) merupakan medan amali terhadap kaedah yang diajar. Di sinilah segala kaedah yang didedahkan sebagai satu teori dari sudut bahasa akan diaplikasikan dengan penggunaan yang betul dalam rangkaian ayat yang diguna. Tujuan pembelajaran berdasarkan kepada kaedah bahasa ini sebenarnya menumpukan kepada dua fokus utama:

- (1) Mengaplikasikan kaedah dalam penggunaan bahasa.
- (2) Mengulangkaji dan mengingati kaedah-kaedah yang telah dipelajari sebelumnya agar maklumat lama dan baru dapat disepadukan.

Antara langkah-langkah yang sesuai dalam melaksanakan proses implimentasi ini ialah:

- (1) Mengemukakan soalan-soalan latihan.
- (2) Mengadakan latihan lisan-untuk memastikan keberkesanan kaedah yang diajar dapat digunakan dalam percakapan yang menjadi dasar kepada pengajaran bahasa
- (3) Menunjuk ajar cara menyelesaikan permasalahan secara bertulis dan menyelesaikan soalan-soalan contoh.

Sebenarnya kedua-dua kaedah ini sama-sama berdasarkan kepada teori psikologi akal manusia. Kaedah induktif ialah kaedah yang sesuai dengan sifat dan tabi'e manusia yang terdorong untuk mengetahui perkara-perkara yang masih tidak diketahuinya lagi. Semen kaedah deduktif juga memperlihatkan dari segi tabi'e akal manusia yang masih terdiri untuk mengetahui perkara-perkara *juz 7* yang berada di persekitaran hukum umum walau telah mengetahui hukum umum tersebut terlebih dahulu. Jadi jelas bahawa kedua-dua kae ini menggunakan teori psikologi dan

akal, di mana induktif adalah kaedah pertama sec tertib tabi'nya dan deduktif adalah kaedah kedua (Husin Sulaiman Qurah: t.t).

Beberapa perkara perlu diambil perhatian oleh setiap guru dalam melaksanakan pengajaran mata pelajaran ini antaranya termasuklah (Muhammad Abdul Kadir: t.t):

- (1) Tidak menjadikan *al-Balaghah* sebagai satu mata pelajaran yang hanya untuk dihj kaedah, takrif beserta dengan contoh-contohnya dan mengenali istilah-istilah sahaja tanpa kefahaman dan amali.
- (2) Pelajar harus diberikan peluang untuk mereka melaksanakan kaedah balaghah y mereka pelajari secara ilmiah dan dapat merasai nilai-nilai seni dan keindahannya.
- (3) Antara asas-asas utama pengajaran *al-Balaghah* ialah mengaitkannya secara langs dengan teks-teks sastera Arab yang mempunyai unsur dan nilai retorik yang be dijadikan contoh. Menjadi satu kesalahan yang besar sekiranya guru begitu gha memperkenalkan asas-asas balaghah sebelum pelajar dapat memahami teks-teks y dipelajari.
- (4) Mengaitkan contoh-contoh retorik Arab dengan apa yang sentiasa digunakan da percakapan harian terutama dalam bahasa kita agar pelajar dapat memt perbandingan antara keduanya.
- (5) Menghubungkan antara satu unsur dengan unsur retorik yang lain seperti *al-Ji* dengan *al-Saja'* yang boleh membawa kepada kesepadan suara, *al-Muqabc* dengan *al-Tauriyyah* dari segi keindahan maknanya, *al-Amr*, *al-Nahy* dan *al-Istifl* di bawah satu kunci *al-Talab*, *al-Tasybih* dengan *al-Isti'arah* yang di mendatangkan imiginasi beserta dengan realiti.

Latihan-latihan untuk menguji kefahaman pelajar sama ada latihan berbentuk li atau bertulis. Latihan-latihan ini amat berguna sekiranya disertai dengan ayat-£ Al-Quran, hadis dan teks-teks sastera Arab.

- (1) Penganalisan terhadap sumber-sum ini penting bagi memperlihatkan unsur-unsur retorik yang dipelajari.
- (2) Perlu juga membangkitkan hubungan retorik dari sudut psikologi dan realiti sem serta persekitaran yang menyebabkan teks-teks retorik dikeluarkan. Dengan ini a dapat memperlihatkan kenapa seseorang sasterawan hanya memperkatakan tent urah, toleransi, kasih sayang, cinta, membala dendam, peperangan dan nya.

Mengjalinkan *al-Balaghah* dengan beberapa mata pelajaran dan ilmu-ilmu Arab yang lain.

contoh pengajaran dalam kelas yang boleh dilakukan oleh seseorang guru berikut:

- (1) Bentangkan contoh-contoh teks sama ada ayat Al-Quran, Hadis. sajak atau nya yang dapat menggambarkan unsur retorik yang ingin diajar. Ia perlu dijelaskan maksudnya, dianalisis dan dibincangkan di dalam kelas.
- (2) Buat perbandingan antara unsur tersebut dengan lain-lainnya seperti yang dalam bahasa kita sendiri.
- (3) Pelajar memahaminya, minta mereka mengeluarkan rumusan daripada ingan tadi dan dikemukakan kaedah rasmi tentang unsur retorik yang diajar

- (4) Buat latihan-latihan mengenai tajuk yang diajar dalam kelas atau dijadikan kerja rumah.

Kaedah Pengajaran dalam Sukatan SPM

ii objektif-objektif yang telah ditentukan, pengajaran boleh dijalankan kaedah-kaedah pengajaran terkini iaitu kaedah Induktif (*Al-Tariqat al-Istiqrailiyah*)

Guru-guru boleh membincangkan dahulu contoh-contoh yang dikemukakan, luskan dengan kaedah balaghah. Metod ini sesuai dengan olahan dalam isediakan iaitu mengutamakan pengemukaan contoh dan diakhiri dengan iahnnya. nenyesaikan keadaan pelajar kita yang masih baru mengenali bahasa Arab selain daripada bahasa ibunda mereka, pihak yang menyediakan sukatan buku Bahasa Arab Tinggi telah menggunakan metod yang paling mudah ukakan contoh-contoh dan huraiyan yang mudah, mempunyai ciri-ciri bahasa alaysiaan di samping tidak menafikan penggunaan *syawahid* yang masyhur in balaghah seperti ayat-ayat Al-Quran, Hadis, sajak, prosa, kata-kata hikmat

contohnya, dalam tajuk dan *al-Insha'ie* untuk tingkatan:akan ayat-ayat berikut untuk perbincangan:

al-Uslub al-Khabari

Malaysia sebuah negara yang kaya,
Setiap individu dinilai pada tingkah lakunya bukan pada pakaianya.

al-Uslub al-Insya'ie

Katakanlah yang benar walaupun pahit,
Alangkah baiknya apabila agama dan dunia dapat bersama.

Atau dalam tajuk *al-Tasybih* di tingkatan lima, dikemukakan contoh-contoh seperti berikut:

هذا عالم كالذهب الوقت كالذهب في القيمة ... فروتون ويرا مثل هوندا إيكورد في السرعة

Ertinya: Ini orang berilmu seperti laut, Masa itu bernilai seperti emas, Proton Wira laju seperti Honda Accord.

PERLAKSANAAN KAEDAH PENGAJARAN DALAM STAM

Kalau diperhatikan dalam buku teks al-Balaghah STAM, didapati buku ini menggunakan kaedah mengikut gaya penulisnya. Teknik penjelasan yang dibuat masih lagi banyak terikat dengan kaedah deduktif, walaupun tidak dinafikan ada yang bercirikan kepada pendekatan induktif.

Kaedah penulisan buku ini telah dijelaskan sendiri oleh penulisnya. Dalam perenggan pertama pendahuluan buku ini, penulisnya Dr. Ali Muhammad Hasan (1998) telah menyatakan bahawa metod yang digunakan dalam bukunya ialah membawa apa yang ditulis oleh sarjana-sarjana ilmu *al-Bayan* sejak dari zaman *al-Jahiz* ke dalam bentuk yang baru dan dengan jelas menyatakan bahawa beliau tidak menggunakan sistem balaghah *al-Sakaki*. Penulis juga menerangkan bahawa banyak buku-buku yang dikarang dalam bidang ini menjuruskan pelajar hanya mengetahui tentang ilmu balaghah, tidak tentang keseniannya. Jadi beliau telah memaparkan kandungan bukunya ini dengan menghimpunkan antara kedua-dua ilmu dan seni. Sebab itu banyak teks-teks Arab yang dikemukakan termasuk daripada Al-Quran, Hadis Nabawi, sajak dan prosa Arab sama ada yang lama mahupun yang baru.

Penulis juga menekankan bahawa metod yang digunakannya adalah metod yang seimbang kepada metod balaghah lama dan baru. Beliau berkata dalam pendahuluan buku ini:

" Sekiranya menjadi satu kesilapan kita bernaung di bawah metod balaghah lama, maka akan menjadi satu kesilapan juga kita menjadikan balaghah kita dalam bentuk yang baru kerana ini akan

menyebabkan kita memutuskan hubungan lata dengan yang lama. Oleh itu, saya lebih suka menyebut banyak syawahid, contoh dan ungkapan yang dikemukakan oleh orang-orang terdahulu (walaupun tidak berpegang dengannya) asalkan buku ini nampak mudah dan selamat daripada kecacatan ”.

(Ali Muhammad Hasan: 1998)

PERBEZAAN YANG MEMPENGARUHI PENDEKATAN PENGAJARAN & PEMBELAJARAN DALAM KEDUA-DUA TAHAP PENGAJIAN

Daripada penjelasan ini, dapat dilihat beberapa sudut perbezaan yang ketara dari sudut sukatan yang dipersembahkan dalam setiap kurikulum. Sudut perbezaan ini telah memberikan pengaruh yang besar terutama kepada teknik pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran ini dalam kelas. Dari sudut pengajaran, guru-guru yang mengajar balaghah SPM dapat melaksanakan pengajaran dengan menggunakan kaedah pengajaran terkini.

Guru-guru secara langsung dapat menggunakan kaedah pengajaran induktif (*Al-Tariqat al-Istiqrainyyah/ al-Istibatiyyah*) yang mementingkan penganalisisan dan perbincangan *syawahid* tajuk yang dipelajari sebelum daripada mengeluarkan rumusan kaedahnya. Pelaksanaannya agak mudah dan dapat dilakukan dengan baik tanpa memerlukan kepada pengolahan lanjut kerana buku teks yang digunakan telah pun menjurus kepada kaedah ini.

Guru-guru hanya perlu mengikuti kandungan pelajaran seperti mana yang telah disusun dengan menggunakan pengetahuan dan pengalaman lanjut tentang pelaksanaan kaedah induktif dalam pengajaran. Dalam mengemukakan *syawahid*, guru-guru juga telahpun disediakan dengan contoh-contoh yang mudah dan sesuai dengan pelajar-pelajar kita. Dari sudut pembelajaran, pelajar-pelajar akan terasa lebih mudah untuk mempelajari balaghah kerana disediakan pendekatan yang sesuai dengan keadaan pembelajaran mereka masa kini. *Syawahid* yang dikemukakan tidak membebangkan mereka untuk memahaminya kerana mempunyai unsur-unsur mudah di samping kemalaysiaan.

Pendekatan ini akan membawa suasana seronok dalam pembelajaran yang seterusnya dapat memupuk minat pelajar untuk mempelajari balaghah secara lebih lanjut lagi. Boleh dikatakan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran akan lebih banyak diberikan tumpuan untuk kefahaman terhadap tajuk-tajuk balaghah yang dikemukakan dalam sukatan.

Keadaan ini ternyata berbeza dengan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran balaghah STAM. Dari sudut pengajaran, guru-guru yang mengajar balaghah STAM biasanya akan melaksanakan pengajaran dengan menggunakan kaedah deduktif (*al-Tariqat al-Qiasiyyah*). Guru-guru akan menggunakan kaedah pengajaran ini yang mementingkan kepada rumusan kaedah tajuk yang dipelajari sebelum melakukan penganalisisan dan perbincangan *syawahid*. Pelaksanaannya perlu dilakukan sedemikian kerana buku teks yang digunakan telahpun menjurus kepada kaedah ini.

Dalam mengemukakan *syawahid*, guru-guru perlu mengikuti contoh-contoh yang dikemukakan dalam sukatan walaupun agar sukar untuk difahami oleh pelajar dan memerlukan kepada kebijaksanaan dan kebolehan guru menterjemahkannya. Dari sudut pembelajaran, pelajar-pelajar akan terasa agak sukar untuk mempelajari balaghah kerana sukatan dan pendekatan yang digunakan agak berlainan dengan apa yang telah mereka lalui sebelumnya. Boleh dikatakan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran akan lebih banyak diberikan tumpuan untuk penghafazan pelajar terhadap takrif dan tek-teks contoh tajuk-tajuk balaghah yang dikemukakan dalam sukatan.

CADANGAN

Berasaskan kepada perbezaan yang ketara antara kedua-dua sukatan balaghah dalam dua peringkat peperiksaan ini, maka pelaksanaan pengajaran dan pembelajarannya perlu diteliti dengan lebih lanjut. Balaghah di peringkat SPM menampilkan pendekatan terkini yang sepatutnya didedahkan kepada pelajar kerana mereka telah dibiasakan dengan kaedah-kaedah pengajaran terkini. Sementara pendekatan dalam peringkat STAM agak berbeza dengan keadaan pembelajaran mereka masa kini.

Dengan itu, dicadangkan bagi menyempurnakan proses pengajaran dan pembelajaran seperti berikut:

- (1) Guru-guru perlu mengaitkan pembelajaran pelajar semasa di peringkat SPM dengan tajuk yang diajar di peringkat STAM. Pembelajaran yang telah dilalui oleh mereka termasuk definisi, teks-teks contoh dan lain-lain sewajarnya diimbas kembali di peringkat STAM terutama tajuk-tajuk yang berkaitan dengan ilmu *al-Bayan*.
- (2) Balaghah dalam STAM masih dapat didedahkan dengan pendekatan terkini dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pendekatan mengikut kaedah induktif masih boleh dilaksanakan, tetapi memerlukan sedikit usaha. Beberapa pengolahan dan pengubahsuaian dengan tidak mengenetepikan sukatan asal perlu dilakukan dengan cara terbaik.
- (3) Contoh-contoh yang lebih mudah perlu didahului sebelum mengemukakan *syawahid* yang disediakan bagi memudahcarakan pembelajaran seterusnya. Contoh-contoh semasa yang relevan dengan suasana dan persekitaran pelajar amat sesuai didedahkan sebelum daripada teks-teks asal dalam buku teks balaghah STAM. Contoh terbaik seperti yang dikemukakan dalam sukatan balaghah SPM. Perkara ini memerlukan kepada kesungguhan dan komitmen dari kalangan guru yang akan melaksanakan pengajaran.
- (4) Penekanan kepada proses pengajaran dan pembelajaran balaghah perlu lebih menumpukan kepada proses kefahaman sebelum daripada penghafazan untuk persediaan peperiksaan.

PENUTUP

Pendekatan pengajaran dan pembelajaran mengalami perubahan dari masa ke semasa. Penting bagi setiap pengamal pendidikan untuk menyesuaikan sukatan dengan kaedah pengajaran yang akan dilaksanakan dalam kelas. Pelajar kini amat sensitiviti dengan perkara ini, pembelajaran perlu bertepatan dengan apa yang telah mereka terima selama mereka berada di alam persekolahan sejak dari peringkat rendah lagi. Guru perlu bijak menangani masalah ini untuk menyampaikan ilmu dalam keadaan pelajar memahaminya dan memupuk *minat* mereka untuk mempelajari nya.

Sudut perbezaan yang terdapat dalam sukatan balaghah SPM dan STAM ini perlu ditangani dengan bijak oleh guru terutama semasa pelajar-pelajar berada di peringkat pengajian STAM. Walaupun berlaku perbezaan dari sudut sukatan dan pendekatan, seboleh-bolehnya keadaan ini tidak menjelaskan kefahaman pelajar, bukan setakat untuk lulus dalam peperiksaan tetapi menaruh minat mempelajarinya secara lanjutan di masa akan datang.

RUJUKAN

Ali Muhammad Hasan (Dr.), 1998, *Asrar al-Bayan*, Haiat al-'Ammah Li Syuun al-Matabi' al-Amiriyyah, Kaherah.

Al-Lughatu al-'Arabiyyah al-'Aliyah 1999, Tingkatan Empat & Lima, Kementerian Pendidikan Malaysia, Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur.

Huraian Sukatan Pelajaran, *Bahasa Arab Tinggi*, PPK Kementerian Pendidikan Malaysia, Percetakan DBP.

Husin Sulaiman Qurrah (Dr.), t.t. *Dirasat Tahliliyyah wa Mawaqif Tatbiqiyah Fi Ta 'lim al-Lughah al 'Arabiyyah wa al-Din al-Islami*, Dar al-Maarif, Kaherah.
Muhammad Abdul Kadir Ahmad (Dr.), t.t. *Turuq Ta'lim al-Lughah al-'Arabiyyah*[^] Dar al-Sybab al-Tiba'ah, Kaherah.
Nik Mohd Rahimi dan rakan-rakan, 1999. *Turuq Tadris al-Lughah al-'Arabiyyah*, Bangi: UKM.

BIODATA PENULIS-PENULIS

Ustaz Azhar bin Muhamad, Ustaz Kamarul Azmi bin Jasmi dan Ahmad Kilani bin Mohamed adalah pensyarah di Pusat Pengajian Islam Dan Pembangunan Sosial UTM. Antara bidang yang diminati oleh ketiga orang penulis kertas kerja ini ialah bidang Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) Bahasa Arab dan juga pendidikan Islam.

Pada 26 Mac, 2003 ketiga-tiga penulis kertas kerja berkesempatan membentangkan kertas kerja bertajuk: "Permasalahan Pengajaran Nahu Bahasa arab Kepada Pelajar Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam), Universiti Teknologi Malaysia" di Seminar Antarabangsa Fourth International Seminar *on LSP in Practice: Responding to Challenges*, bertempat di Hotel Eden Garden, Johor Bahru, Malaysia, anjuran Jabatan Bahasa Moden, Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia, UTM Skudai Johor,

Pada tahun 2002 Ustaz Ahmad Kilani dan bersama Ustaz Azhar bin Muhamad berkesempatan membentangkan dua kertas kerja bertajuk:

- (1) Nadwah Madrid (Sepanyol) 1959 Pemangkin Kearah Perubahan Paradigma Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab di Seminar Antarabangsa First Conference On Foreign Language Studies Multilingualisme: Key To Better International Understanding And Wide Horizon di UPM Serdang. Seminar berlangsung dari 12-13 Julai 2002.
- (2) Pengaruh Eksklusif Bahasa Arab Terhadap Sistem Fonologi Sintaksis Dan Perbendaharaan Kata Bahasa Melayu di Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu di Beijing, China. Persidangan berlangsung dari 8-15 Oktober 2002.

Pada 26 Mac, 2003 ketiga-tiga penulis kertas kerja berkesempatan membentangkan kertas kerja bertajuk: "Permasalahan Pengajaran Nahu Bahasa arab Kepada Pelajar Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam), Universiti Teknologi Malaysia" di Seminar Antarabangsa Fourth International Seminar *on LSP in Practice: Responding to Challenges*, bertempat di Hotel Eden Garden, Johor Bahru, Malaysia, anjuran Jabatan Bahasa Moden, Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia, UTM Skudai Johor,

Ustaz Ahmad Kilani menghasilkan dua buah buku. Buku pertama berjudul: "*Teori Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama di Malaysia*". Buku ini diterbitkan oleh Penerbit UTM pada tahun 2001. Buku beliau yang kedua pula berjudul: "*Pengurusan Pendidikan di Sekolah: Huraian Menurut Perspektif Islam*". Buku ini pula diterbitkan oleh Penerbit UTM pada Ogos 2003.

ALAMAT PERHUBUNGAN:

AZHAR B. MUHAMMAD

H/P: 012-7623537, TEL: 07-5532191 E-Mail:

azharmy@utm.my

KAMARUL AZMI B. JASMI

H/P: 012-7530529, TEL: 07-5531829(P) FAX: 075537523

E-Mail: qamar@utm.my atau kamarulazmi@hotmail.com

AHMAD KILANI B. MOHAMED

H/P: 012-7098576, Tel: 07-55334344 (P) E-Mail:

Kilani6212(gjhotmai 1 .com

Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial (PPIPS) 81310, UTM Skudai, Johor Darul Takzim.